

Guna aplikasi Raiz bayar zakat, pengguna dapat hadiah

KOSMO 8/12/2022 K1/S: 38

Oleh NOR SHAFAWATI YUP



APLIKASI mesra pengguna yang membolehkan pembayar zakat membuat bayaran dengan mudah.

KUALA LUMPUR – Aplikasi pelaburan mudah alih mikro pertama Malaysia, Raiz menawarkan hadiah tunai dua peratus kepada pembayar zakat yang menggunakan aplikasi itu untuk membuat pembayaran sepanjang bulan Disember ini.

Ketua Eksekutif Raiz Malaysia Sdn. Bhd. (Raiz Malaysia), Aidi Izhah Mohd. Khalil berkata, kempen hadiah tunai itu adalah inisiatif daripada syarikat bagi menggalakkan pembayaran zakat dalam kalangan masyarakat Islam secara umum melalui kerjasama Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP).

“Pengguna Raiz boleh membuat pembayaran untuk semua jenis zakat dan juga wakaf dengan mudah melalui aplikasi Raiz.

“Apabila pengguna Raiz membuat bayaran zakat di PPZ-MAIWP melalui fungsi Raiz Rewards di dalam aplikasi Raiz,



AIDI IZHAM MOHD. KHALIL

kami akan memberi hadiah tunai dua peratus di atas jumlah pembayaran tersebut sepanjang bulan Disember ini,” katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Aidi Izhah berkata, hadiah tunai itu akan dimasukkan terus ke dalam akaun pelaburan Raiz pengguna sehari selepas pema-

baran dibuat.

“Dengan lebih 100 rakan jenama kami yang lain di bawah Raiz Rewards, ganjaran tunai ini boleh meningkatkan simpanan dan pelaburan mereka dengan mudah.

“Pengguna juga bakal menikmati 100 peratus rebat untuk cukai pendapatan,” katanya.

Tambah Aidi Izhah, Raiz telah membangunkan sebuah aplikasi pelaburan mikro yang unik di mana fungsi utamanya akan membolehkan orang ramai menyimpan dan melabur secara kecil-kecilan dengan hanya menggunakan duit baki harian secara automatik.

Tambah beliau, Raiz kini telah mencatatkan pelaburan lebih RM45 juta dengan memiliki lebih daripada 380,000 akaun sejak diperkenalkan pada Julai 2020.

Aplikasi Raiz yang dilancarkan oleh Permodalan Nasional Bhd. (PNB) boleh dimuat turun dari Apple App Store dan Google Play Store.